

Bughah Menurut Analisis Bahasa dan Syarak

[Etymological and Jurisprudential Analysis of Bughah]

Yusri Mohamad Ramli¹

¹ (Corresponding Author) Research Centre for Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Malaysia, e-mail: yusri_mr@ukm.edu.my

ABSTRACT

Rebellion against the government is one of the main impetuses of radicalism and extremism that disturb public peace and tranquillity. Rebels or 'bughah' is the biggest criminals in Islam. This article attempts to qualitatively revisit the etymological and jurisprudential perspective of bughah by linguists and jurists to grasp the concept and overcome resistance. By library research using content analysis upon selected authoritative works of Arabic dictionaries and the Shafi'i school of law, this study concludes that bughah, in terms of language, is resistance and rebellion of a leader and government because of the act of violence and transgression. Regarding jurisprudence, resisting the government is a sin and forbidden. Bughah could only be determined if they have force, motive, and a de facto leader. In overcoming resistance, the government should prioritise discussion and compromise in making a deal to put down the insurgence while using force to eliminate the opposition. In conclusion, the understanding and process of dealing with bughah in Islamic scholarly tradition is quite a beauty. Bughah is the violence of citizens upon their leader. Thus, the leader should act firmly but forgiving, just like a father treats his rebellious child compassionately.

Keywords: *Bughah; Etymology; Islamic Law; Rebellion*

ABSTRAK

Pemberontakan terhadap kerajaan ialah salah satu asas utama radikalisme dan ekstremisme yang merosakkan keamanan dan ketenteraman awam. Pemberontak atau 'bughah' ialah penjenayah terbesar dalam Islam. Artikel ini meninjau semula secara kualitatif perspektif bahasa dan syarak mengenai *bughah* yang dibahasakan oleh para ilmuwan bahasa dan fiqah bagi memahami konsep dan menangani pemberontakan. Melalui penelitian kepustakaan secara analisis kandungan terhadap karya muktabar terpilih daripada kamus bahasa Arab dan kitab fiqah mazhab Syafii, dapat dirumuskan bahawa *bughah* dari sudut bahasa ialah pemberontak dan penderhaka kepada pemimpin dan kerajaan kerana zalim dan melampau batas. Dari sudut syarak, memberontak adalah dosa dan haram dilakukan. *Bughah* hanya dapat ditentukan jika wujud kekerasan, niat dan pemimpin ikutan. Bagi menghadapi pemberontakan,

kerajaan perlu mengutamakan perundingan dan perdamaian tatkala memerangi pemberontakan. Kesimpulannya, kefahaman dan tatakelola mengenai *bughah* dalam tradisi *turath* Islam adalah cukup cantik. *Bughah* jelas ialah suatu kezaliman rakyat terhadap pemimpin, justeru pemimpin perlu menanganinya secara tegas tetapi dengan penuh kemaafan seumpama bapa mengasihi anaknya yang menderhaka.

Kata Kunci: *Bughah*; Etimologi; Fiqah; Pemberontakan

How to Cite:

Received: 23-10-2022

Accepted: 29-05-2023

Published: 31-05-2023

Ramli, Y. M. (2023). *Bughah* Menurut Analisis Bahasa Dan Syarak. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 4(1), 109-126.

1. Pendahuluan

Ancaman keganasan dan peperangan sentiasa menjadi kewaspadaan bagi mengekalkan keamanan dan mengelakkan kekacauan. Antara yang mencetuskan ketidakharmonian ialah pemberontakan terhadap kerajaan. Perkembangan dunia menyaksikan banyak kejadian pemberontakan digerakkan oleh kumpulan militan dengan organisasi tersusun, kelengkapan canggih dan pengikut yang ramai serta bersifat global. Kumpulan seperti Negara Islam atau Daish, al-Qaeda, Jabhat al-Nusra, Boko Haram, Jamaah Islamiyah, dan Abu Sayyaf memberi ancaman kepada keselamatan negara dan dunia.

Pelbagai peristiwa dasawarsa ini merupakan rentetan usaha menyalahkan pemimpin sehingga menyebabkan rakyat menjatuhkan pemimpin mereka sendiri. Syarifah Hayaati Syed Ismail (1994) menjelaskan bahawa pemberontakan terhadap kerajaan berkait rapat dengan hilangnya ketaatan terhadap pemimpin dan hal ini diambil perhatian serius oleh para ulama dengan mengupas mengenainya dan menjadi salah satu asas penting dalam siasah berteraskan syariat Islam. Para ulama sering memberi nasihat dan ingatan akan wajib dan pentingnya mentaati pemimpin dan menjaga keamanan agar tidak berlaku huru-hara dan kacau bilau. Ini selaras dengan firman Allah (Surah al-Nisa 4:59):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Terjemahan: Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul dan pemimpin di antara kamu.

Melalui analisis kandungan, artikel ini meneliti *bughah* menurut wacana bahasa dan syarak. Perbahasan bahasa difokuskan bagi mencerakinkan *bughah* daripada aspek asal usul kata, makna dan penggunaannya. Data-data dikumpulkan daripada kamus-kamus bahasa Arab muktabar yang menjelaskan

perkataan tersebut. Penelitian syariah ditumpukan kepada perspektif mazhab Syafii sesuai dengan amalan arus perdana masyarakat Malaysia dan Alam Melayu. Data dipilih ialah daripada *Minhaj al-Talibin* karya al-Imam al-Nawawi (2005) dan syarahnya, *Mughni al-Muhtaj* oleh al-Khatib al-Sharbini (1997). Ini kerana *al-Minhaj* menjadi rujukan paling utama ulama dan pengikut mazhab Syafii lantaran ia ringkas tetapi padat serta paling banyak disyarahkan oleh ulama mazhab Syafii dan syarahnya yang terkenal ialah *al-Mughni*.

Memberontak merupakan jenayah besar dalam syariat Islam. Justeru, dalam rangka sosiopolitik masa kini, ia merupakan perkara yang perlu diperhatikan semula dalam mendepani cabaran semasa politik dan keselamatan yang tidak menentu.

2. *Bughah* Menurut Bahasa

Dalam bahasa Melayu terdapat dua istilah penting yang merujuk kepada perlakuan menentang kerajaan iaitu memberontak dan menderhaka. 'Memberontak' secara khusus membawa maksud melawan pihak berkuasa atau kerajaan. Ia juga diertikan lebih umum dengan makna menunjukkan kemarahan atau menentang sesuatu perkara (*Kamus Dewan*, 2007: 172). Sementara 'menderhaka' pula dimaksudkan dengan tidak taat atau khianat kepada negara dan menentang kerajaan atau kekuasaan yang sah. Ia turut diluaskan penggunaannya kepada Tuhan, nabi, suami, ibu bapa dan yang berhak ditaati (*Kamus Dewan*, 2007: 341).

Manakala *bughah* ialah perkataan bahasa Arab dan lazim digunakan dalam peristilahan pengajian Islam khususnya ilmu *siyashah* (politik) dan *jinayat* (jenayah) bagi merujuk kepada pemberontak atau penderhaka. *Bughah* (بُغَاة) ialah kata pelaku (*fa'il*) jamak bagi *bagh* (بَاغ). Akar kata perkataan ini ialah kata kerja (*fi'l*) *bagha* (بَغَى) dengan makna asas menzalimi dan melampaui batas. Dari sudut penggunaannya, ia mempunyai pelbagai maksud mengikut konteks tertentu. Justeru, inti pati maksud sikap melampaui batas wujud dalam setiap variasi makna yang selari dengan makna memberontak dan menderhaka dalam bahasa Melayu.

2.1 *Pelampau dan Perosak*

Makna *bagha* yang paling lazim, dominan dan popular ialah menzalimi dan melampaui batas. Ia mencerminkan secara terus makna kezaliman yang dimaksudkan dengan akar katanya. Al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi (718-789M) (2003: 154), menyebutkan bahawa *bagha* (بَغَى) dengan kata nama *baghy* (بَغَى) membawa maksud *zulm* (ظَلَم) iaitu kezaliman. Justeru *baghi* (بَاغ) bermaksud orang yang zalim, sementara jamaknya ialah *bughah* (بُغَاة). Daripada pemaknaan ini, istilah *bughah* digunakan oleh para ulama bagi

merujuk secara terminologi kepada penderhaka dan pemberontak. Lafaz jamak digunakan kerana lazimnya pemberontak wujud secara berkumpulan.

Ibn Manzur (1232-1312M) (t.th.: 323) menjelaskan bahawa *al-baghy* (البَغْي) bermaksud *al-ta'addiy* (التَّعَدَّى) iaitu melampau batas dan *عَدَلَ عَنِ الْحَقِّ* واستطال yakni terpesong daripada kebenaran dan melampau. Ini selaras dengan pandangan Abu Zakariyya Yahya al-Farra (761-831M) yang mentafsirkan *al-baghy* dalam firman Allah (SWT) (al-Quran, Surah al-A'raf 7:33) dengan makna melampaui batas ke atas manusia. Dalam mentafsirkan ayat al-Baqarah (2:173), al-An'am (6:145) dan al-Nahl (16:115) pula, Abu Mansur al-Azhari al-Harawi (895-981M) menjelaskan terdapat tiga maksud boleh dikaitkan: kelaparan yang tidak melampau; tidak meminta lebih daripada sekadar hajatnya; dan tidak memberontak ke atas pemimpin dan tidak melakukan penindasan ke atas umatnya. Justeru, ketiga-tiganya jelas membawa erti melampaui batas.

Al-baghy juga membawa makna (قصد الفساد) mendatangkan kebinasaan yakni menzalimi dan mendatangkan kecelakaan kepada seseorang atau sekumpulan. Al-Azhari melihat *al-baghy* dalam al-Quran, Surah al-A'raf (7:33) sebagai kezaliman dan kebinasaan. Justeru *fi'ah baghiyah* atau *bughah* ialah golongan yang melakukan kezaliman dan lazimnya dikaitkan dengan keluar daripada mentaati pemimpin yang adil (Ibn Manzur t.th.: 323). Ini kerana kerosakan dan kebinasaan akan berlaku akibat daripadanya tiadanya ketaatan kepada pemimpin dan pihak yang berkuasa mengawal ketenteraman. Ini bertepatan dengan riwayat al-Bukhari (*Sahih al-Bukhari, Kitab al-Salah, Bab al-Ta'awun fi Bina al-Masjid: 447*) iaitu sabda Nabi (SAW) kepada 'Ammar bin Yasir:

وَيَحِ عَمَّارَ (ابْنِ سُمَيَّةَ) تَقْتُلُهُ الْفِتْنَةُ الْبَاغِيَّةُ يَدْعُوهُمْ إِلَى الْجَنَّةِ وَيَدْعُونَهُ إِلَى النَّارِ قَالَ يَقُولُ عَمَّارٌ
أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الْفِتَنِ.

Terjemahan: Alangkah malangnya 'Ammar (Ibn Sumayyah) kerana dibunuh golongan pemberontak! Beliau mendoakan mereka ke syurga sedangkan mereka doakannya ke neraka. Ibn 'Abbas berkata: 'Ammar berkata: Aku berdoa dengan Allah supaya memeliharaku daripada segala fitnah (kekacauan dan huru-hara).

Hadis ini menjelaskan pesanan Nabi (SAW) terhadap kematian yang bakal menimpa 'Ammar akibat daripada pemberontakan yang belaku semasa Perang Siffin sekali gus menunjukkan istilah *bagha* dirujuk oleh Nabi (SAW) sebagai pemberontak dan menderhaka (al-Tabari, 1971: 38-42).

Demikian ayat al-Quran, Surah al-Nisa (4:34):

فَإِنْ أَطَعْتَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا^ط

Terjemahan: Kemudian jika mereka (isteri yang melakukan *nusyuz*) (kembali) mentaatimu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya.

Dalam konteks ayat ini, jika isteri melakukan *nusyuz* sudah kembali taat kepada suaminya, maka suami hendaklah menerimanya dengan hati yang tenang dan tidak memanjangkannya lagi. *Bagha* dapat difahami sebagai usaha menyusahkan dan melakukan kebinasaan terhadap perkara baik yang sedang diusahakan. Walaupun pihak yang dihadapinya melakukan perkara tidak baik sehingga menyebabkannya benci, namun hendaklah berlapang dada, bersedia memaafkan, mencari jalan penyelesaian, serta tidak mengelak daripada berbaik-baik, tidak melampaui batas dan tidak bermusuhan. Hal yang sama turut dituntut dalam bernegara.

Ibn Manzur (t.th.: 323) merumuskan bahawa *al-baghy* ialah mendatangkan kecelakaan dan kebinasaan. Justeru asas kepada *al-baghy* ialah melampaui batas dan menzalimi. Ini dapat diperhatikan dalam ayat al-Quran, Surah Sad (38:22):

حَصَمَانَ بَغِيٍّ بَعْضُنَا عَلَى بَعْضٍ فَأَحْكُم بَيْنَنَا بِالْحَقِّ

Terjemahan: Ketika mereka masuk (menemui) Daud lalu ia terkejut kerana kedatangan mereka. Mereka berkata: “Jangan kamu merasa takut; (kami) adalah dua orang yang berselisih yang salah seorang dari kami berbuat zalim kepada yang lain.

Dalam ayat ini, *al-baghy* bererti menzalimi, melanggar batas, melampau, dan menjatuhkan orang lain. Ibn Manzur (t.th.: 323) melihat kezaliman *al-baghy* ini tidak hanya melampaui batas, bahkan melampaui batas itu adalah kerana hasad dengki kerana pendengki menzalimi orang yang didengkinya dengan melakukan perkara melampau batas. Ia dilakukan supaya nikmat yang ada padanya ditarik dan diberi kepadanya pula.

Zalim dan melampau turut disepakati dalam kamus-kamus lain sebagai makna terpenting. *Mukhtar al-Sihah* karya al-Razi (1993: 24) melihat *al-baghy* (البغى) bermaksud *al-ta'addiy* (التعدى) yakni terpesong dan melampaui batas. Ia juga bermaksud *istital* (استيطال) atau melampau, *mujawazah* (مجاورة) iaitu pelanggaran dan *ifrat* (أفراط) yakni perbuatan ekstrem melampau. Demikian al-Fairuz Abadi dalam *al-Qamus al-Muhit* turut mengertikannya sebagai zalim dan tidak adil (2008: 146). Al-Ba'albaki (2009: 242-243) dalam menjelaskan kata kerja *bagha* (بغى) dan kata namanya *baghy* (بغى) juga mengaitkannya dengan perlakuan salah, penindasan, kezaliman, pelanggaran undang-undang, pemberontakan, penentangan dan sikap melampau.

Kesimpulannya, *bagha* membawa konotasi zalim, melampau batas, melakukan kebinasaan dan kerosakan yang terkait dengan perlakuan pemberontak dan penderhaka. Hal ini diakui al-Khatib al-Sharbini (1997: 159)

yang menjelaskan bahawa istilah *bughah* adalah dari kata akar *baghy* (بَغَى) yang bermaksud zalim dan melampau batas. Golongan sebegini dinamakan *bughah* kerana kezaliman dan penyimpangan mereka daripada kebenaran.

2.2 Variasi Makna-Makna Lain

Terdapat makna-makna lain bagi *bagha* (بَغَى) yang turut mempunyai inti pati melampaui batas dan kezaliman. Selain menjelaskan makna penggunaannya yang khusus, perbandingan variasi makna dengan makna teras iaitu memberontak dan menderhaka akan menjelaskan lagi konsep *bughah* supaya lebih difahami.

Ibn Manzur (t.th.: 323) melihat *bagha* juga bermakna mendustai. Ini dapat dilihat dalam ayat al-Quran, Surah Yusuf (12:65):

وَلَمَّا فَتَحُوا مَتَاعَهُمْ وَجَدُوا بِضَئِئَتَهُمْ رُدَّتْ إِلَيْهِمْ قَالُوا يَا أَبَانَا مَا نَبُغِي هَذِهِ بِضَئِئَتِنَا رُدَّتْ إِلَيْنَا

Terjemahan: Tatkala mereka membuka barang-barangnya, mereka menemukan kembali barang-barang (penukaran) mereka, dikembalikan kepada mereka. Mereka berkata: “Wahai ayah kami (Nabi Ya’qub), apa lagi yang kami inginkan/dustakan. Ini barang-barang kita, dikembalikan kepada kita.

Dalam ayat ini ‘مَا نُبُغِي’ boleh dimaksudkan dengan ‘apa lagi yang kami inginkan’ atau ‘apa lagi yang kami dustakan’ (Ibn Manzur, t.th.: 323). Dalam membanding penggunaan perkataan ini dengan pemberontakan, maka dapat diselaraskan dengan perilaku pemberontak yang sering berdusta, berdolak-dalih, dan menfitnah pemimpin bagi mencapai tujuannya.

Maksud lain perkataan ini ialah berzina atau melakukan dosa. al-Farahidi (2003: 153-154) menyebutkan bahawa *bagha* (بَغَى) bermaksud *fajara* (فَجْر) yakni melakukan zina atau kesalahan. Justeru, *ibn bighyah* (ابن بَغِيَّة) bermaksud anak zina yang lahir bukan dengan cara yang sah (رَشْدَةً) iaitu perkahwinan. Sementara kata namanya ialah *bigha* (بِغَاء) dan kata pelakunya *baghiyy* (بِغِيَّة) (Ibn Manzur t.th.: 322; al-Ba’albaki (2009: 243). *Baghaya* (بَغَايَا) pula membawa erti *jawari* (جَوَارِي) yakni jamak kepada *jariyah* (جَارِيَّة) iaitu amah atau pembantu rumah (al-Farahidi, 2003: 154). Ia juga sering untuk dirujuk kepada amah yang berzina (Ibn Manzur t.th.: 322). Oleh itu, perlakuan memberontak membawa hasrat melakukan dosa serta khianat kepada orang yang perlu ditaatinya sebagaimana zina dan persundalan merupakan melampau batas dan kezaliman akibat nafsu tidak terkawal dan diwajibkan atas nama kebebasan.

Ibn Manzur (t.th.: 321, 323) dan al-Fairuz Abadi (2008: 146) juga mendefinisikan *bagha* (بَغَا) sebagai memandang atau memerhatikan sesuatu untuk mengetahui keadaannya dengan mengikut atau mengawasinya dengan rapat. Namun, ia lazimnya dirujuk kepada maksud negatif seperti memerhati

dan mengawasi khususnya melihat perempuan cantik. Ini selaras dengan pernyataan al-Farahidi (2003: 154) bahawa *bagha* membawa maksud memandang serong dengan niat melawan atau mendatangkan kecelakaan. Ini dipersetujui al-Zamakhshari sebagaimana dinukilkan oleh al-Murtada al-Zabidi (1983: 453-454) bahawa ia bermaksud memerhatikan sesuatu atau seseorang dengan niat tidak baik melainkan al-Zabidi mendasarkan kata akarnya dengan بَاغٌ. Ini lazim dengan dibandingkan dengan pemberontak yang berpersepsi negatif terhadap kerajaan dan mencari salah silapnya.

Bagha juga bermaksud menuntut atau berkeinginan dengan *bughyah* (بُغْيَةٌ) atau *bighyah* (بِغْيَةٌ) bermaksud *talab* (طَلَبٌ) iaitu matlamat, tujuan, keinginan, kehendak, atau tuntutan. Demikian *baghiyyah* (بِغْيِيَّةٌ), *bugha* (بُغَاءٌ), *bughayah* (بُغَايَةٌ) dan *bughyan* (بُغْيَانٌ) yang bermaksud sama (al-Farahidi, 2003: 154; al-Razi, 1993: 24; Ibn Manzur, t.th.: 321-323; al-Fairuz Abadi, 2008: 146; al-Ba'albaki, 2009: 243). Ia menurut al-Fairuz Abadi (2008: 146) boleh dimaksudkan sebagai membantu mendapatkan atau memudahkan sesuatu. Ini dapat dikaitkan dengan makna hasad dengki di samping semangat pemberontak yang hendak menjatuhkan kerajaan dan membuat tuntutan berpaksi kepada keinginan berkobar-kobar untuk melawan pemerintah.

Ibn Manzur (t.th.: 323) turut melihat *bagha* sebagai *ikhtala* (اِخْتَالَ) iaitu bergembira dan *asra'a* (أَسْرَعَ) iaitu tergesa-gesa mencapai tujuan atau keinginan. Pemaknaan ini boleh diluaskan bagi keadaan semasa menunggang kuda dengan makna *ikhtiyal* (اِخْتِيَالٌ) yakni menunjuk-nunjuk dan *marah* (مَرَحٌ) yakni gembira bagi menyatakan keadaan kegirangan semasa menunggang atau berlumba kuda (Ibn Manzur t.t.h.: 323; al-Farahidi 2003: 154). Ia dapat dibandingkan dengan sikap pemberontak yang suka menunjuk-nunjuk perilaku penentangannya dengan yakin tanpa rasa bersalah serta tergesa-gesa dan bersemangat untuk mencapai tujuannya. Sifat sedemikian turut dihubungkan dengan singa sehingga digelar *al-mubtaghi* (المُبْتَغِي) (al-Fairuz Abadi, 2008: 146).

Baghiyyah (بِغْيِيَّةٌ) dengan jamaknya *baghaya* (بِغَايَا) juga diertikan sebagai *tali'ah* (طَلِيْعَةٌ) dengan jamaknya *talai'* (طَلَايِعٌ) yang bermaksud pemimpin atau barisan hadapan kumpulan tentera (al-Farahidi, 2003: 154; Ibn Manzur, t.th.: 322; al-Fairuz Abadi, 2008: 146). Ini dapat dipadankan dengan pemberontakan yang dikaitkan dengan kekuatan tentera bagi menumbangkan kerajaan.

Sementara *baghw* (بُغُوٌ) atau *baghwah* (بُغُوَةٌ) diertikan dengan ketidakmatangan dan ketidakranuman buah-buahan yang berbuah sebelum matang (Ibn Manzur, t.th.: 321; al-Ba'albaki 2009: 243). Ini dapat dihubungkan dengan sikap dan pemikiran pemberontak yang tidak matang dan melakukan sesuatu kerana semangat dan nafsu serta membabi buta dan tanpa usul periksa.

Bagha juga diertikan sebagai lebat turunnya hujan (Ibn Manzur, t.th.: 323; al-Fairuz Abadi, 2008: 146). Pemaknaan ini diasaskan kepada

kedahsyatan, kegemparan dan banyaknya air hujan. Sebagai bandingan, keadaan sama berlaku apabila tercetusnya pemberontakan yang melibatkan jumlah orang yang ramai serta menggemparkan dan memenuhi jalanan.

Dalam bandingan lebih jauh lagi, terdapat beberapa perkataan lain yang dekat dengan *bagha* (بَغَى) iaitu *bagha* (بَاغ) dengan huruf alif, waw atau ya di tengah. Al-Farahidi (2003: 173, 176), Ibn Manzur (t.th.: 388, 403), al-Fairuz Abadi (2008: 174, 179) dan al-Zabidi (1983: 452-456) mengertikan *al-baygh* (الْبَيْغ) dengan kata kerjanya, *tabayyagha* (تَبَيَّغ) sebagai keadaan darah membuak kerana ketegangan. Ibn Manzur melihat perkataan ini pada asasnya berasal daripada *bagha* (بَغَى) melainkan didahulukan huruf ya atau waw sebelum ghayn atas kelaziman penggunaan orang Arab. Ia merujuk keadaan susu yang banyak dan melimpah atau perkara yang berserabut dan berkecamuk serta air yang bergelora atau berombak. Sementara *al-bawgha* (الْبَوْغَاء) pula bermaksud tanah atau secara khususnya habuk di udara dan juga diertikan dengan memerhatikan. Al-Zabidi (1983: 455) turut mengaitkannya dengan hal memutuskan diri dengan seseorang atau sesuatu di samping membawa maksud hasad dengki.

Rumusannya, *bagha* membawa maksud melampau batas dan melakukan kezaliman. Sementara maksud khusus dalam penggunaan lazim dirujuk kepada menentang kerajaan dan turut digunakan bagi penentangan dan kezaliman lain. Jelasnya, *bagha* dalam bahasa Arab adalah sepadan dengan memberontak dan menderhaka dalam bahasa Melayu khususnya dalam maksud menentang pemerintah.

Meskipun *bagha* bermakna zalim, namun *zalim* biasanya digunakan bagi pemimpin atau golongan berkuasa yang melakukan perbuatan melampaui batas terhadap pimpinannya atau golongan dikuasainya. *Bagha* sebaliknya digunakan bagi rakyat atau yang dipimpin yang melakukan perbuatan melampaui batas terhadap pemimpinnya. Ini diperkukuhkan lagi dalam setiap variasi pemaknaannya. Dalam erti kata lain *zalama* merujuk kepada pemimpin yang tidak adil kepada rakyat, sementara *bagha* merujuk kepada rakyat yang tidak taat kepada pemimpin.

Oleh itu, ganas yang diertikan dengan sikap liar, buas, menyerang, mengamuk, membunuh, serta merosakkan harta benda dan mencederakan orang mencerminkan tingkah laku pemberontak dan penderhaka yang menggunakan kekerasan sewenang-wenangnya tanpa menghiraukan undang-undang dengan memaksa atau menakut-nakutkan demi perjuangan ideologi atau kuasa (*Kamus Dewan*, 2007: 429). Ini selaras dengan makna *bughah* yang dikaitkan dengan kezaliman dan perbuatan ekstrem yang menjejaskan nyawa dan harta benda bagi mencapai tujuan ideologi dan politik dengan menjatuhkan pemimpin dan kerajaan sedia ada.

3. *Bughah* Menurut Syarak

Al-Imam Muhy al-Din al-Nawawi merupakan ulama besar mazhab Syafii yang prolific dan polimatik. Karyanya yang terkenal dalam bidang fiqah ialah *Minhaj al-Talibin wa 'Umdat al-Muftin* (al-Nawawi, 2005). Dalam kitab ini, beliau memasukkan satu bab tentang *bughah* yang disusun bersama bab-bab berkaitan hudud yang didahului dengan *bughah* dan diikuti dengan riddah, zina, *qazaf*, mencuri dan minum arak. Kedudukannya yang pertama menunjukkan ia merupakan undang-undang melibatkan hak Allah dan hak manusia yang terpenting, justeru memperuntukkan hukuman paling keras iaitu diperangi dan dibunuh.

Terkait *bughah*, al-Imam al-Nawawi tidak terlepas daripada kezaliman pemberontak. Pada awal tahun 2015, kuburnya di Nawa, Syria dihancurkan oleh kumpulan militan Jabhat al-Nusrah, sekutu utama al-Qaeda di Syria yang memberontak terhadap kerajaan Syria pimpinan Bashar al-Assad (Perry, 2015). Tindakan tersebut adalah lanjutan usaha kumpulan penentang kerajaan dalam siri pemusnahan masjid dan kuburan para Nabi (AS), Sahabat Nabi (SAW), para wali dan ulama bagi melaksanakan ideologi ekstrem Islamik yang mengharamkan sebarang binaan, batu nisan atau tanda di kubur.

3.1 Konsep *Bughah*

Menurut al-Imam al-Nawawi (2005: 499), *bughah* menurut syarak bermaksud 'golongan yang berpaling daripada pemimpin dengan melakukan pemberontakan dan meninggalkan ketaatan kepadanya atau enggan menunaikan hak yang wajib ke atas mereka'. Dalam erti kata lain, *bughah* ialah penderhaka dan pemberontak yang menentang kerajaan sedia ada yang sah. Golongan ini menurut al-Khatib al-Sharhuni (1997: 159) dinamakan *bughah* kerana kezaliman dan penyimpangan daripada kebenaran. Perbahasan syarak mengenai *bughah* adalah bersandarkan kepada firman Allah (SWT) dalam al-Quran, Surah al-Hujurat (49:9):

وَإِنْ طَائِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا فَإِنْ بَغَتِ إِحْدَاهُمَا عَلَى الْأُخْرَى فَقَاتِلُوا
الَّتِي تَبْغِي حَتَّى تَفِيءَ إِلَى أَمْرِ اللَّهِ فَإِنْ فَاءَتْ فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَقْسِطُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ
الْمُقْسِطِينَ

Terjemahan: Dan jika ada dua golongan dari orang-orang mukmin berperang, maka damaikanlah antara kedua-duanya. Jika salah satu dari kedua golongan itu berbuat aniaya terhadap golongan yang lain, maka perangilah golongan yang berbuat aniaya itu sehingga golongan itu kembali kepada perintah Allah; Jika golongan itu telah kembali (kepada perintah Allah), maka damaikanlah

antara keduanya dengan adil dan berlaku adillah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil.

Walaupun ayat ini menunjukkan tuntutan perdamaian, ia juga memberi mafhum yang disepakati secara ijmak bahawa jika terdapat sekumpulan yang menentang pemimpin pertama, maka kumpulan tersebut perlu diperangi. Dalam membincangkan hal ini, al-Imam al-Syafii mengisyaratkan bahawa ia mendapat pedoman mengenai hal ini daripada sirah bagaimana Rasulullah (SAW) memerangi kaum Musyrikin Mekah, Abu Bakar (RA) memerangi golongan murtad dan Saidina Ali (KAW) memerangi golongan pemberontak (al-Khatib al-Sharbini, 1997: 159).

Dalam mensyarahkan konsep *bughah* sebagai orang yang berpaling dan menentang pemimpin, al-Khatib al-Sharbini (1997: 159) menjelaskan bahawa tetap dianggap *bughah* meskipun mereka menentang pemimpin yang melakukan dosa dan keburukan kerana dari sudut syaraknya pemimpin tersebut tetap dianggap adil selagi tidak benar-benar melakukan kezaliman. Ini kerana kezaliman ialah suatu kedudukan yang amat buruk di mana benar-benar tiada langsung keadilan pada dirinya. Ia merupakan pegangan sekalian ulama Ahl al-Sunnah sebagaimana disebutkan oleh al-Qaffal dan al-Qushayri yang menurut pegangan para sahabat al-Syafii dalam memahami konsep pemimpin yang adil.

Para ulama bersepakat bahawa walaupun pemimpin membuat dosa dan kesalahan kecuai yang mencapai tahap yang benar-benar zalim tetap dianggap sebagai pemimpin yang adil dan wajib ditaati. Justeru golongan yang berpaling daripadanya dianggap *bughah*. Ini merupakan pegangan sekalian ulama termasuk al-Imam al-Syafii yang disebut dalam *al-Umm* dan *al-Mukhtasar al-Muzani* bahawa kesalahan, kesilapan, dosa dan kefasikan tidak menafikan keadilan pemimpin. Imam al-Nawawi menjelaskan dalam *Sharh Muslim* bahawa keluar daripada mentaati pemimpin, apatah lagi memeranginya adalah haram dengan ijmak umat Islam meskipun pemimpin itu bersikap fasiq sebagaimana orang-orang zalim.

Justeru, jika seseorang merampas kepimpinan secara tidak sah seperti pemberontak, maka diharuskan untuk tidak mentaatinya jika dia melakukan kezaliman dan melampau. Manakala pemimpin yang dilantik secara sah, maka diharamkan untuk berpaling daripadanya (al-Khatib al-Sharbini, 1997: 159). Mengenai isu ijthad politik seperti keluarnya Husayn daripada mentaati Mu'awiyah dan Ibn Zubayr daripada 'Abd al-Malik bin Marwan, al-Khatib al-Sharbini (1997: 159) menjelaskan bahawa pengharaman keluar daripada mentaati pemimpin diijmakkan selepas berlakunya peristiwa-peristiwa tersebut.

Bentuk penentangan daripada pemimpin termasuk sama ada melakukan pemberontakan terhadap pemimpin atau meninggalkan ketaatan kepadanya atau tidak taat dengan enggan menunaikan hak yang diwajibkan

oleh pemimpin ke atas mereka meliputi hak Allah atau hak manusia seperti enggan membayar zakat sebagaimana tindak balas Saidina Abu Bakar (RA) memerangi golongan murtad (al-Khatib al-Sharbini, 1997: 159).

3.2 Syarat Penentuan Sebagai *Bughah*

Imam al-Nawawi (2005: 499) menjelaskan bahawa seseorang atau segolongan dianggap berpaling daripada pemimpin atau *bughah* dan boleh diperangi dengan beberapa syarat:

- i. Kumpulan pemberontak mempunyai kekuatan dan ketahanan tersendiri sama ada disebabkan oleh jumlah yang ramai atau keupayaan mereka walaupun hanya memiliki kubu yang boleh digunakan untuk menentang pemerintah. Untuk itu, usaha mengembalikan ketaatan mereka memerlukan perbelanjaan harta dan pengumpulan tentera (al-Khatib al-Sharbini, 1997: 159). Penentangan tanpa kekuatan seperti penentangan dengan jumlah kecil atau bersendirian atau keadaan yang memudahkan untuk mengalahkan dan menangkap mereka, maka ia tidak termasuk sebagai *bughah* (al-Khatib al-Sharbini, 1997: 161).
- ii. Pemberontakan dilakukan mempunyai takwil, tafsiran dan alasan untuk menjatuhkan pemimpin serta iktikad dalam hati bahawa harus menentang pemimpin tersebut sebagaimana perang semasa zaman Saidina Abu Bakar dan Saidina Ali (RA). Justeru, yang menentang pemimpin namun percaya apa dilakukannya salah dan haram dan tiada kemahuan dalam hatinya menentang pemimpin sama ada mungkin kerana mengikut-ikut atau dipaksa oleh orang lain, maka ia tidak boleh dijatuhkan dengan hukuman *bughah* yakni diperangi, namun boleh dikenakan hukuman-hukuman lain secara takzir yang lebih ringan. Disyaratkan juga iktikad tersebut adalah fasad dan bertentangan dengan undang-undang serta berterusan dan tidak terpotong kefasadannya yang boleh dianggap sebagai penentangan jelas dan diyakini. Namun, jika menentang tanpa tafsiran dan alasan seperti enggan menunaikan hak syarak seperti enggan membayar zakat kerana keengganan dan bukan kerana percaya zakat tidak wajib diberi, maka ia tidak boleh dianggap *bughah* melainkan boleh dikenakan hukuman lain (al-Khatib al-Sharbini, 1997: 159-161).
- iii. Penentangan tersebut adalah tersusun rapi dengan adanya seorang yang diikuti atau pemimpin *de facto* berpengaruh yang dapat mengumpulkan kekuatan bagi melaksanakan kekerasan. Walaupun tiada pemimpin rasmi dilantik bagi menyebarkan propaganda, namun kekuatan dalam mengumpul dan menyatukan pandangan mereka untuk menentang

kerajaan sekurang-kurangnya mesti daripada seseorang yang menjadi ikutan. Syarat kekuatan dan pemimpin ikutan merupakan syarat paling asas sekurang-kurangnya yang dipegang oleh para ulama (al-Khatib al-Sharbini, 1997: 160). Tanpa pemimpin ikutan, suatu penentangan tidak dianggap *bughah* kerana tiada ancaman dan segala perbuatan hanya dihukum atas perlakuan mereka tanpa dikaitkan dengan *bughah* (al-Khatib al-Sharbini, 1997: 161). Namun, pemberontakan mustahil berlaku dengan sendirinya dan lazimnya pasti dengan seseorang pemimpin *de facto* yang menggerakkannya. Justeru, ia tetap dianggap syarat penting dalam *bughah* bagi mengecualikan kemungkinan kes penentangan kerana tidak dipengaruhi seseorang.

- iv. Terdapat pandangan bahawa perlu mempunyai pemimpin dilantik (*de jure*) yang memimpin secara tersusun. Namun pandangan paling sahih menurut mazhab Syafii ialah cukup sekadar seorang ikutan yang mempengaruhi mereka dan tidak perlu kepada pemimpin tertentu secara hierarki dan organisasi sebagaimana Saidina Ali (KAW) memerangi pemberontak dalam Perang Jamal dan Siffin sebelum pemimpin mereka dilantik (al-Khatib al-Sharbini, 1997: 160).
- v. Terdapat syarat tambahan lain menurut al-Khatib al-Sharbini, 1997: 160) seperti wujudnya tempat bagi perkumpulan atau perhimpunan para penentang sama ada negeri, kampung atau kawasan tertentu bagi mengumpulkan kekuatan.

Kesimpulannya, tiga syarat pertama iaitu kekuatan, takwil dan pemimpin *de facto* merupakan syarat wajib untuk menentukan seseorang atau segolongan sebagai *bughah*. Sementara faktor-faktor lain boleh dianggap sebagai sokongan tambahan bagi mengukuhkan penentuan.

3.3 Kedudukan dan Hak Golongan Bughah

Dalam menjelaskan kedudukan dan hak golongan *bughah*, para penentang tidak dikira sebagai fasiq atau kafir kerana pegangan politik mereka kerana berbeza ideologi dan pemikiran politik adalah harus, melainkan bahawasanya ijthad mereka adalah salah. Justeru, menjadi *bughah* tidak dianggap suatu celaan. Hadis-hadis yang secara zahirnya mencela pemberontak secara mafhumnya hanya mencela mereka yang benar-benar berniat memberontak tanpa takwil atau dengan takwil yang dipastikan tidak kukuh (al-Khatib al-Sharbini, 1997: 160). Pemberontak yang tidak diyakini ia berniat memberontak atau menentang tanpa kekerasan atau tiada dorongan, maka ia tidak dianggap sebagai *bughah*.

Imam al-Nawawi (2005: 499) menyebutkan bahawa penyaksian, pengadilan dan penghakiman pemberontak diterima sebagaimana penghakiman kita (umat Islam) melainkan dalam memberi saksi atau mengadili nyawa kita (umat Islam lain). Al-Khatib al-Sharbini (1997: 161-162) menjelaskan bahawa *bughah* tidak dianggap fasiq dan pendirian politik hanya dilihat sebagai ijihad, justeru terpakai penyaksian dan penghakiman mereka melainkan penghakiman salah dan tidak adil atau penyaksian palsu semata-mata mahu memenangkan kumpulan penentang sebagaimana pandangan al-Syafii.

Namun, *bughah* tidak boleh menjadi saksi atau menghakimi umat Islam (termasuk bukan Islam) lain apabila melibatkan nyawa yakni hukuman mati serta melibatkan harta walaupun di mahkamah umat Islam sendiri (yang bukan *bughah*). Ini kerana penghakiman dan kesaksian sedemikian diragui keadilannya kerana wujud unsur berat sebelah dan pengaruh peribadi dan politik sebagaimana dijelaskan oleh al-Nawawi dalam *Rawdat al-Talibin*.

Al-Nawawi (2005: 499) menyebutkan bahawa surat-surat (cara, perintah, waran, keputusan, dan perisytiharan) hakim pemberontak adalah terpakai di mahkamah umat Islam dan sebarang penghakiman mereka perlu berdasarkan keterangan bukti sebagaimana menurut pandangan paling sahih. Al-Khatib al-Sharbini (1997: 162) menghuraikan bahawa para hakim umat Islam diharuskan menerima, memakai atau merujuk segala surat dan keputusan penghakiman hakim yang merupakan seorang pemberontak asalkan dengan keterangan bukti. Namun, adalah sunat dan lebih baik untuk tidak memakainya bagi mengekang dan memperkecil golongan pemberontak agar kembali ke pangkal jalan. Pandangan lain ulama mazhab Syafii ialah diharamkan mengguna penghakiman mereka kerana ia akan membantu pemberontakan mereka.

Jika mereka menetapkan hukuman, mengumpul zakat, *kharaj*, jizyah, serta membahagikannya kepada tentera-tentera mereka maka ia adalah sah. Namun terdapat juga pandangan lain menghalangnya (al-Nawawi, 2005: 499). Justeru, jika pemberontak menguasai suatu negeri atau wilayah dan menetapkan hukuman atau mengambil zakat, *kharaj*, dan jizyah serta membahagikan habuan kepada tentera mereka, maka ia adalah sah di sisi syarak sebagaimana ditunjukkan oleh Saidina ‘Ali (KAW) dalam menangani pemberontak di Sham bagi memastikan keperluan dan kelancaran tadbir urus penduduk di kawasan tersebut.

Walau bagaimanapun, jika penghakiman dibuat di luar wilayah dikuasai mereka, maka ia tidak boleh diterima. Demikian segala harta tidak dibenarkan dikutip melainkan keperluan mendesak seperti kebuluran, kefakiran dan kemaslahatan yang memerlukan bantuan segera. Jika keganasan berterusan dan kezaliman berleluasa, maka tetap diharamkan kepada pemberontak untuk mengambil harta rakyat walaupun terdesak. Justeru, segala keperluan akan diuruskan oleh kerajaan yang sah. Jika keadaan terlalu sukar

khususnya bagi mendapatkan makanan dan kelangsungan hidup serta keperluan perubatan, maka konsep sedekah boleh diamalkan sebagaimana diisyaratkan oleh al-Syafii. Sementara pembahagian peruntukan kepada tentera pemberontak, terdapat pandangan mengharamkannya, namun pandangan mengharuskannya berhujah atas bahawasanya ia adalah untuk umat Islam yang layak dan mesti dibahagikan hak mereka (al-Khatib al-Sharbini, 1997: 162).

Al-Imam al-Nawawi (2005: 499) melanjutkan perbincangan bahawa pemberontak bertanggungjawab kepada segala kerosakan dilakukan oleh mereka terhadap harta benda golongan yang adil (kerajaan dan rakyat yang setia) dan demikian sebaliknya kecuali dalam keadaan sedang berperang. Terdapat pandangan ulama bahawa hanya pihak pemberontak yang perlu bertanggungjawab sementara rakyat yang setia tidak perlu. Dalam hal ini, kerosakan dimaksudkan merangkumi harta benda mahupun nyawa dan pihak bertanggungjawab ialah yang melakukannya tidak kira pemberontak atau rakyat biasa yang setia kepada kerajaan melainkan dalam peperangan. Namun para ulama termasuk al-Mawardi mengecualikan rakyat yang setia yang melakukan kerosakan bagi melemahkan pemberontak.

Jika kerosakan berlaku diakibatkan oleh peperangan dengan kedua-dua pihak melakukan kebinasaan antara satu sama lain, maka ia tidak perlu dipertanggungjawabkan kepada sesiapa sebagaimana dalam peperangan-peperangan dalam sejarah umat Islam. Terdapat pandangan lain bahawa hanya pemberontak perlu bertanggungjawab kerana mereka yang memulakan kekacauan dengan memberontak dan kerana rakyat yang adil tidak boleh disamatarafkan dengan rakyat yang menderhaka (al-Khatib al-Sharbini, 1997: 162).

Dalam kes pemberontak tanpa kekuatan, maka al-Imam al-Nawawi (2005: 499) menjelaskan ia tetap bertanggungjawab dalam setiap kerosakan, sementara yang terlibat melakukan keganasan tetapi tiada niat, maka halnya sama seperti pemberontak lain. Tanggungjawab tersebut menurut al-Khatib al-Sharbini (1997: 163) termasuk nyawa dan harta benda dan walaupun melakukannya (seperti mencuri dan merompak) semasa perang kerana mereka tidak terlibat dalam berperang. Jika tidak dihalang, maka kebinasaan dan kerosakan akan berleluasa dan pemberontakan tidak dapat dipatahkan. Sementara golongan yang terlibat berperang namun tidak berniat untuk menjatuhkan pemimpin, maka hukumnya sama seperti pemberontak lain kerana ia terlibat dalam perang.

Al-Khatib al-Sharbini (1997: 163) menjelaskan keadaan di mana jika pemberontak murtad daripada Islam dan melakukan kerosakan dan kemudiannya bertaubat dan masuk Islam kembali dengan pengakuan bertanggungjawab atas perlakuan jenayah terhadap Islam, maka penghapusan dosa mereka hanya dengan taubat kepada Tuhan dan tidak kepada manusia. Sementara pengampunan dan keringanan dengan masuk Islam dalam kes-kes

jenayah tertentu hanya melibatkan golongan kafir yang masuk Islam dan bukannya golongan murtad, apatah lagi yang sengaja murtad untuk tujuan diringankan atau dihapuskan hukuman.

3.4 Kaedah Menangani Bughah

Dalam menghadapi *bughah*, al-Imam al-Nawawi (2005: 499) menyatakan bahawa mereka tidak boleh diperangi sehingga diutus perunding dan pendamai yang jujur dan bijak yang dapat menasihati mereka supaya menanyakan penentangan mereka. Jika mereka menolak perundingan dan perdamaian tersebut dan membalas dengan kenyataan atau perbuatan menyakitkan atau mendukacitakan, maka perundingan tersebut mesti dibatalkan serta merta dan digesa agar para pemberontak untuk kembali taat kepada pemerintah. Jika pemberontak enggan, maka pemimpin boleh mengizinkan dan mengisytiharkan perang kepada mereka. Jika pemberontak meminta masa lebih untuk memberikan jawapan, maka ia terserah kepada pemimpin untuk berjihad dan melakukan apa difikirkannya benar.

Namun, pemimpin perlu berusaha dan mengharapkan mereka menggenjat senjata serta membatalkan pemberontakan, bertaubat dan kembali mentaatinya. Sementara kritikan atau kekurangan dan kesalahan yang dianggap pada pemerintah harus diusahakan agar diselesaikan dengan rundingan secara baik. Pemberontak mesti dinasihati untuk bertaubat dan kembali taat kepada pemimpin walaupun yang dipertikaikan (Khatib al-Sharbini, 1997: 163-164).

Adalah diharamkan untuk membunuh pemberontak yang melarikan diri, yang ada kekurangan untuk bertarung dan yang ditawan. Tawanan yang ditangkap termasuk kanak-kanak dan wanita hendaklah ditahan sehingga berakhirnya peperangan dan terhapusnya pemberontakan kecuali jika mereka kembali taat kepada pemimpin dan kerajaan dengan kehendak mereka sendiri, serta menyerahkan senjata dan kuda mereka kepada kerajaan sehingga tiada lagi ancaman yang dikhuatiri daripada mereka. Senjata dan kenderaan yang dirampas daripada pemberontak mesti disimpan dan tidak digunakan dalam memerangi mereka kecuali jika diperlukan (al-Nawawi, 2005: 499-500). Demikian tidak boleh membunuh yang lari menyelamatkan diri, yang tidak mampu bertarung sempurna kerana hilang anggota badan atau cedera parah dan yang berjaya ditangkap (Khatib al-Sharbini, 1997: 165).

Juga dilarang menggunakan kaedah atau senjata pemusnah besar-besaran seperti menggunakan api dan senjata berbahaya (senjata nuklear, kimia dan biologi berbahaya) melainkan keadaan darurat seperti pemberontak sendiri menggunakan senjata berkenaan untuk melawan kerajaan atau ia merupakan keperluan mendesak seperti pemberontak berjaya mengepung tentera kerajaan (al-Nawawi, 2005: 500). Mengenai situasi ini, al-Khatib al-Sharbini (1997: 165-166) menjelaskan dalam keadaan menyebabkan kerajaan

akan kalah jika tidak guna senjata berbahaya, maka ia dibolehkan. Ini kerana kerajaan wajib dan mesti menang dalam memerangi pemberontak, namun perlu mengikut tatacara dan tidak melakukan kezaliman atau melampaui batas. Inilah yang membezakan antara kerajaan dan pemberontak.

Al-Imam al-Nawawi (2005: 500) turut mengutarakan bahawa dilarang untuk memerangi pemberontak dengan bantuan tentera-tentera kafir (*harbi*) mahupun bantuan orang-orang Islam yang mengikut fahaman keras termasuk mengharuskan membunuh pemberontak yang melarikan diri. Jika terdapat orang-orang kafir *harbi* bersama membantu pemberontak melawan kita dan mendapat perlindungan mereka, maka tidak perlu dilindungi oleh kerajaan dan ia tertakluk kepada tanggungjawab pemberontak sendiri, menurut pandangan paling sahih. Jika orang-orang kafir *dhimmi* membantu pemberontak menentang umat Islam dengan kesedaran atau kehendak sendiri dan mengetahui adalah haram berperang terhadap kerajaan, maka lucutlah segala perlindungan (*dhimmah*) mereka dan dianggap sebagai kafir *harbi* kecuali mereka menyertai pemberontakan kerana terpaksa. Demikian jika mereka menyangka bahawa harus menentang pemimpin atau menyangka mereka di pihak yang benar, maka mereka perlu diperangi seperti pemberontak (Muslim) lain (al-Khatib al-Sharbini, 1997: 166-167).

4. Kesimpulan

Walaupun hukuman kepada pemberontak adalah keras, kerajaan perlu mengatasinya dengan adil tanpa menafikan hak-hak mereka sebagai rakyat. Bahkan penentuan *bughah* secara syaraknya adalah bukan kerana ideologi politik, tetapi atas ketidaktaatan kepada pemimpin dan pemberontakan dengan kekerasan. Rakyat pada asasnya berhak untuk tidak setuju dengan pemimpin, namun dalam masa sama wajib mentaati segala keputusannya selagi bukan dalam perkara kezaliman dan melanggar perintah Allah. Justeru hukum menentang pemimpin disepakati secara ijmak oleh para ulama sebagai haram dan boleh dianggap sebagai *bughah* dan diperangi.

Malah, apabila dipastikan golongan *bughah* berdasarkan syarat-syarat ditentukan, yang perlu diutamakan ialah perdamaian. Usaha memerangi hanya dijadikan saluran terakhir jika sebarang usaha perdamaian menemui kebuntuan atau keadaan telah mencapai tahap kekacauan yang membinasakan dan hanya boleh diatasi dengan peperangan. Bahkan walaupun usaha memerangi telah dilaksanakan, usaha perdamaian perlu sentiasa diusulkan supaya perpaduan tercapai selaras dengan tuntutan Allah (Surah al-Hujurat 49:9).

Pemberontakan merupakan isu ijtihad, justeru hal ini rumit untuk ditentukan, apatah lagi jika ia membabitkan sesama Muslim. Ia merupakan ijtihad politik dan masing-masing mempercayai mereka berada di pihak yang benar. Walaupun pihak *bughah* secara syaraknya dianggap sebagai pihak yang salah serta layak dijatuhkan hukuman diperangi dan dibunuh, namun secara

peribadinya mereka perlu dihormati, disembahyangkan jenazahnya, dikebumikan dan sebagainya yang layak sebagai seorang Muslim, warganegara dan manusia. Ini kerana yang menimpa kepada mereka setelah kematian mereka adalah urusan mereka dengan Allah (SWT). Seseorang menentang kerajaan boleh jadi kerana kesilapan dalam memahami fakta sebenar sehingga menyangka pemimpin adalah zalim dan tindakan ini walaupun secara perundangan dan hak manusia tetap dianggap salah, tetapi dari sudut hak dan hubungan ketuhanan, ia tidak dapat diputuskan oleh manusia.

Bughah jelas berkait rapat dengan kekerasan atau kekuatan. Ini kerana penentang kerajaan dianggap sebagai *bughah* apabila ia mempunyai elemen kekerasan yang merupakan syarat utama *bughah*. Walaupun penentang kerajaan tanpa kekerasan tidak dianggap *bughah*, ia tetap perlu dikawal supaya tidak mempengaruhi tindakan golongan yang ingin melakukan kekerasan. Justeru, hukuman setimpal boleh dikenakan bagi mencegah hal ini daripada berlaku khususnya kepada pemimpin *de facto* yang menghasut pemberontakan. Ini kerana hasutan supaya tidak mentaati pemimpin, melawan, membenci, memfitnah, memburuk-burukan dan memberi persepsi negatif terhadap pemimpin merupakan gejala-gejala *bughah* yang perlu ditangani sebelum membarah.

Prinsip-prinsip syariah adalah amat cantik dan relevan dengan kehidupan masa kini mahupun akan datang dalam menangani segala permasalahan termasuk *bughah*. Oleh itu, hukum syariah mengenainya wajar difahami dan diteliti secara mendalam di samping menyesuaikan keperluan teknikal dan mekanisme dengan keadaan semasa.

Dalam menangani *bughah*, ia perlu merangkumi kedua-dua aspek pencegahan dan pemulihan. Ini termasuk melalui pendidikan dengan memberi kefahaman dan kesedaran kepada para pelajar di sekolah dan institusi pendidikan serta orang awam di masjid, media elektronik, dan media sosial. Masalah utama bagi pemberontak ialah mereka berhasrat untuk melihat negara menjadi lebih baik, namun dilakukan secara salah. Justeru, rakyat perlu dididik untuk mentaati pemimpin dan diajar bagaimana menasihati dan mengkritik pemimpin dengan cara yang betul.

Walaupun suatu penentangan hanya dapat diambil tindakan apabila keganasan atau sebarang pelanggaran undang-undang dilakukan, namun tindakan pencegahan harus diambil bagi mengelakkan pemberontakan. Faktor terpenting dalam pemberontakan ialah *matbu'* atau pemimpin *de facto* yang mencetuskan hasrat dan pemikiran untuk menentang kerajaan. Justeru, undang-undang yang mengekang hasutan perlu diperkasakan bagi mencegah pemberontakan.

Dalam aspek pemulihan, perkara terpenting ialah perundingan dan dialog dengan golongan penentang supaya dapat diubah pendirian dan salah tanggapan mereka terhadap kerajaan. Kerajaan perlu sentiasa berlapang dada

dan terbuka untuk berbincang apa yang diinginkan dan dikhuatirkan oleh pemberontak kerana pada dasarnya pemberontak berniat supaya menjadikan negara lebih baik. Begitu juga nasihat dan pelbagai usaha bimbingan perlu diberikan supaya mereka insaf dan kembali mentaati Allah, Rasul-Nya dan *ulil al-amri* dan meninggalkan sebarang ideologi yang bertentangan dengan tanggungjawab mentaati pemimpin.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Al-Quran dan Terjemahannya. (1998). Madinah: Mujamma' al-Malik Fahd li al-Tiba'at al-Mushaf al-Sharif.

al-Ba'albaki, Ruhi. (2009). *Al-Mawrid: Qamus 'Arabi-Inklizi.* Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.

al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il. (2002). *Sahih al-Bukhari.* Dimashq: Dar Ibn Kathir.

al-Fairuz Abadi. (2008). *al-Qamus al-Muhit Murattabun Tartiban Alibaiyan Wifqa Awail al-Huruf.* Kaherah: Dar al-Hadis.

al-Farahidi, al-Khalil bin Ahmad. (2003). *Kitab al-'Ayn Murattaban 'ala al-Huruf al-Mu'ajjam.* Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn Manzur. (t.th.). *Lisan al-'Arab.* Kaherah: Dar al-Ma'arif.

Kamus Dewan. (2007). Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Khatib al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad. (1997). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al-Minhaj.* Jil. 4. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

al-Nawawi, Muhy al-Din Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf. (2005). *Minhaj al-Talibin wa 'Umdat al-Muftin.* Beirut: Dar al-Minhaj.

Perry, Tom. (2015). Al Qaeda-linked militants blow up 13th-century Muslim tomb in Syria. *Reuters*, 8 Jan. <http://www.reuters.com/article/us-mideast-crisis-syria-tomb-idUSKBN0KH0IK20150108> [5 Mac 2022].

al-Razi, Muhammad bin Abi Bakr. (1993). *Mukhtar al-Sihah.* Beirut: Maktabah Lubnan.

Syarifah Hayaati Syed Ismail. (1994). Al-Baghy: Konsep dan pendekatannya dalam struktur politik Malaysia. *Jurnal Syariah* 2(1): 110-122.

al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad ibn Jarir. (1971). *Tarikh al-Tabari/Tarikh al-Rusul wa al-Muluk.* Jil. 5. Cet. ke-2. Kaherah: Dar al-Ma'arif bi Misr.

al-Zabidi, al-Sayyid Muhammad Murtada al-Husayni. (1983). *Taj al'Arus min Jawhar al-Qamus.* Siri Turath al-'Arabi 16. Jil. 22. Kuwait: Matba'ah Hukumah al-Kuwayt.